

**BAHASA MELAYU TINGKATAN 2**

Nama: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

**Belajarlah dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak Covid-19. Duduk di rumah sahaja, jangan ke mana-mana ya!**

**TUGASAN 1 - TATABAHASA**

Teliti bahan yang diberikan di bawah ini.

Kenal pasti **semua kesalahan bahasa** termasuk kesalahan ejaan, imbuhan, kata, frasa dan lain-lain dan betulkan semua kesalahan tersebut. Senaraikan kesalahan dan pembetulan dalam jadual di bawahnya.

## SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Dikemaskini 28 Mac 2020, 5 petang

# Kes Baharu: 159

Seramai 73 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 54 kes memerlukan bantuan pernafasan.

**Jumlah kes keseluruhan**  
Total Cases

2,320

orang

**Kes aktif sedang dirawat**  
Active cases on treatment

1,973

orang

**Pesakit telah sembuh & discaj dari hospital**  
Patients who have been cured & discharged from hospitals

320

orang

**Jumlah kematian**  
Total deaths

27

orang

**Nasihat Kesihatan Berkaitan COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai untuk berada di rumah sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan.

- Orang ramai perlulah mengamalkan gaya hidup yang sihat dan mengamalkan tahap kebersihan diri yang optimum. Orang ramai juga disarankan untuk menjelakan aktiviti pembersihan persekitaran kediaman dan premis masing-masing termasuklah aktiviti disinfeksi.
- Sekiranya tidak sihat, hubungi virtual health advisory dan mengkuiz sepi Webinar yang akan diadakan setiap hari bermula pada jam 9.00 pagi melalui pautan berikut:

<http://www.doctoroncall.com.my/coronavirus>

**PENJARAKAN SOSIAL**  
(Social Distancing)

#dudukrumah #juststayathome

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin  
Perdana Menteri

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1	Dikemaskini	Dikemas kini /Dikemaskinikan
2	Seramai	Sebanyak
3	Berkaitan COVID-19	berkaitan dengan Covid-19
4	menasihatkan orang	menasihati orang
5	Minimakan	Minimumkan
6	Tidak hadir perhimpunan	Tidak menghadiri perhimpunan /(hadir ke)
7	Elakkan dari keluar	Elakkan diri daripada keluar
8	Keluar rumah	Ke luar rumah / keluar dari rumah
9	Berjumpa orang	Berjumpa dengan orang
10	Elak pengangkutan awam	Elakkan penggunaan pengangkutan awam

## TUGASAN 2 – Ulasan

(a) Kosa kata untuk dipelajari:

1. **Wabak** : kejadian diserang penyakit menular yang merebak dengan cepatnya dalam kalangan penduduk sesuatu kawasan
2. **Seantero dunia**: seluruh dunia
3. **Penularan** : perebakan
4. **Penjarakan sosial**: tindakan menjarakkan diri kita daripada orang lain untuk mengurangkan risiko dijangkiti penyakit dan sebagainya
5. **Pensanitasi tangan**: cecair yang biasanya mengandungi alkohol untuk membunuh kuman pada tangan
6. **Pandemik**: wabak yang tersebar dengan begitu meluas hingga seluruh wilayah, benua, atau dunia
7. **Menyeru**: meminta (orang ramai) supaya
8. **Dalam talian** : “online”; menggunakan talian Internet
9. **Perintah Kawalan Pergerakan**: Arahan yang diberikan oleh kerajaan untuk mengawal pergerakan rakyat dan arahan ini wajib dipatuhi oleh seluruh rakyat
10. **Disarankan** : dicadangkan